

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HGF 121 – Geografi Fizikal

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan, **DUA [2]** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA [2]** soalan dari **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Bincangkan pengaruh latitud terhadap pola insolasi harian dan tahunan di permukaan bumi.
[25 markah]
2. Bincangkan mengapa karbon dioksida, ozon, dan wap air merupakan komposisi atmosfera yang penting terutamanya dari segi pengaruh terhadap keadaan cuaca dan iklim.
[25 markah]
3. Huraikan proses-proses penyerakan, pembalikan dan penyerapan dan bincangkan bagaimana proses-proses tersebut akan mempengaruhi aliran tenaga sinaran dari matahari ke permukaan bumi.
[25 markah]

4. Bincangkan kesan kegiatan manusia terhadap komponen-komponen utama kitaran hidrologi di sesuatu kawasan tadahan.
[25 markah]

Bahagian B:

5. [a] Dengan menggunakan contoh-contoh dari tiga sub-bidang geografi fizikal, huraikan bagaimana konsep "Pendekatan Sistem" dapat diaplikasikan.
[15 markah]
- [b] Dengan berasaskan contoh-contoh dari bidang geomorfologi, huraikan konsep-konsep "Maklum Balas Positif" dan "Maklum Balas Negatif".
[10 markah]

6. **SAMADA**

- [a] Huraikan Teori Plet Tektonik dengan berasaskan bukti-bukti yang menyokongnya.
[25 markah]

ATAU

- [b] Huraikan pembentukan bentuk-bentuk bumi yang berkembang di kawasan struktur-struktur berlipat.
[25 markah]
7. "Pada skala benua, tumbuhan semula jadi adalah ditentukan oleh iklim tetapi pada skala tempatan, ia ditentukan pula oleh tanah-tanah." Bincangkan sejauhmana kebenaran pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh dari merata tempat di dunia.
[25 markah]
8. "Tumbuhan semula jadi dan lembapan mempunyai saling-hubungan yang rapat." Bincangkan pernyataan ini berasaskan contoh-contoh yang sesuai.
[25 markah]